

HUTAN SIMPAN DI KEDAH DICEROBOH

Kaut untung jual tanah teroka secara haram

BH. 14/4/2017
ms. 24

→ Tiada geran hak milik, aktiviti babit unsur penipuan perdaya mangsa

Oleh Noorazura Abdul Rahman

bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Pencerobohan hutan di Kedah disifatkan semakin parah apabila tanah yang diteroka secara haram khususnya di kawasan hutan simpan, kini dijual secara tidak sah kepada pihak lain.

Tindakan itu dilihat berbahaya kerana membabitkan unsur penipuan berikutan tanah terbabit tidak memiliki geran hak milik, sekali gus menyebabkan pembeli terpedaya.

Seorang mangsa yang hanya ingin dikenali sebagai Sani, 47, (bukan nama sebenar) mengakui membeli sebidang tanah dengan harga RM20,000 bagi 0.28 hektar (serelung) di kawasan pedalaman daripada seorang broker.

Sindiket perdaya mangsa

Katanya, tanah itu memiliki dokumen Permohonan Pendudukan Sementara (TOL), namun akibat ghairah mahu memiliki tanah dia tidak menyiasat lebih lanjut mengenai kedudukan tanah itu.

“Saya hanya tersedar diperdaya ketika cuba memagar tanah itu apabila sudah ada orang lain di

tanah berkenaan, yang turut menaku membeli tanah itu daripada broker lain.

“Saya percaya sindiket ini sebenarnya berpakat untuk memperdayakan orang ramai yang berpotensi untuk menjadi pelanggan mereka dan licik menipu pembeli.

“Sebagai pembeli, saya mengakui kurang ilmu mengenai jual beli tanah sama ada ia berstatus TOL atau tanah pertanian. Tanah ini tidak boleh dibeli dan dokumen berkaitan tidak boleh dijadikan bukti di mahkamah,” katanya.

Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK), Mohd Rahim Razali, ketika dihubungi mengesahkan wujud kegiatan sedemikian, namun tidak mengulas lanjut.

Sumber JPJK pula mendedahkan kegiatan itu didalangi kum-

pulan peneroka haram, namun mangsa tidak berani tampil berikutan tidak bukti kukuh mengenai transaksi jual beli tanah teroka berkenaan, sekali gus menyebabkan kumpulan berkenaan berma-harajalela.

Tiada dokumen, bukti

“Ramai yang mengadu secara tidak rasmi dengan anggota JPJK. Ada aduan yang membabitkan individu berbeza membeli tanah yang sama, namun tindakan penguatkuasaan sukar dilakukan kerana tiada bukti dokumen atau bukti berkaitan untuk menahan sindiket ini.

“Antara modus operandi mereka adalah dengan mengiklan tanah yang mahu dijual di laman web, selain menyasarkan golongan pembeli yang berkemampuan melalui ‘mulut ke mulut’ kerana sedar

golongan ini mudah tertarik untuk membeli,” katanya.

Sumber sama berkata, kebiasaannya tanah teroka di kawasan pedalaman, harganya lebih rendah sehingga ada yang boleh dimiliki pada harga RM15,000 bagi setiap 0.28 hektar atau serelung dan ia menjadi tarikan golongan berkemampuan untuk membayarnya secara tunai.

Mengenai modus operandi digunakan, sumber sama berkata, tanah yang diteroka secara haram akan ditanam dengan pokok buah-buahan atau getah, sebelum dijual beberapa tahun kemudian.

Walaupun ada tanah yang dijual murah, katanya, ada tanah teroka khususnya di Langkawi yang nilainya mencecah jutaan ringgit dan selepas tanah itu dijual, mereka akan meneroka tanah lain pula untuk tujuan sama.



Keratan laporan BH, semalam.

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video